

NEGERI KEDAH

DALAM MAHKAMAH SESYEN JENAYAH (2)

DI SUNGAI PETANI

KES TANGKAP NO: 61-01-04/2015

DI ANTARA

PENDAKWA RAYA

..... PIHAK MERAYU

DAN

NORADHA MIKHAEL

.... PIHAK MENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

Pihak Menentang iaitu OKT pada mulanya telah dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

*“Bahawa kamu pada 04/03/2015 jam lebih kurang 1.00 petang bertempat berhampiran Kilang ACPI, Jalan Guar Nanas, 08000 Gurun, di dalam Daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah, dengan niat telah menyebabkan kematian terhadap Shahrul Rizal bin Abd Rahim, KP: 850303-02-5151. Oleh dengan itu, kamu telah melakukan perbuatan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan.**”*

Pada akhir kes Pendakwaan, setelah mendengar keterangan saksi-saksi Pendakwaan, meneliti eksibit-eksibit yang dikemukakan serta mendengar hujah kedua-dua pihak, saya mendapati Pihak Pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT dibawah **Seksyen 304 (a) Kanun Keseksaan**. Oleh yang demikian, OKT telah dilepas dan dibebaskan pada 27.4.2017.

Pendakwa Raya telah tidak berpuas hati dengan keputusan melepaskan dan membebaskan OKT dan telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap perintah tersebut. Rayuan telah didengar di Mahkamah Tinggi dan rayuan Pihak Pendakwa Raya telah ditolak dan keputusan pada peringkat Mahkamah Sesyen dikekalkan.

Pihak Pendakwa Raya telah merayu atas keputusan Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan pada 27.2.2019, panel Hakim Mahkamah Rayuan (secara majority – Y.A. Dato Rhodzariah binti Bujang menentang) telah memutuskan bahawa :

- i) Rayuan Pendakwa Raya dibenarkan.
- ii) Wujud kes prima face terhadap Responden bagi satu kesalahan di bawah **Seksyen 304A Kanun Keseksaan**.
- iii) Responden diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan pindaan yang akan dikemukakan di hadapan Hakim bicara yang sama di Mahkamah Sesyen Sungai Petani.
- iv) Kes ditetapkan untuk sebutan pada 9.4.2019 di Mahkamah Sesyen

Sungai Petani di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang sama.

Apabila kes disebut di Mahkamah Sesyen Sungai Petani di hadapan saya, Pihak Pendakwaan telah kemukakan tuduhan pindaan seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan

*“Bahawa kamu pada 04.03.2015 jam lebih kurang 1.00 petang bertempat berhampiran Kilang ACPI, Jalam Guar Nenas, 08000 Gurun, di dalam Daerah Kuala Muda, di dalam Negeri Kedah, dengan cuai telah menyebabkan kematian terhadap Shahrul Rizal bin Abd Rahim, KP:850303-02-5151. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah **Seksyen 304A Kanun Keseksaan**.*

OKT telah dipanggil membela diri di atas pertuduhan pindaan ini dan OKT minta dibicarakan dan memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah. Selepas mendengar keterangan saksi-saksi pembelaan, saya telah mendapati pihak Pembelaan telah berjaya untuk menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes Pendakwaan dan Pihak Pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap OKT ke atas pertuduhan pindaan dibawah **Seksyen 304A Kanun Keseksaan**. Oleh yang demikian, OKT telah dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

Pendakwa Raya sekali lagi tidak berpuas hati dengan keputusan melepaskan dan membebaskan OKT dan kini merayu ke Mahkamah Tinggi.

Fakta Kes dan Keterangan

1.1 Saksi Pendakwaan pertama (SP1) adalah Kpl. 87951 Samsiah bt. Mohd Ali yang bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis Gurun. Pada 4.3.2015, jam lebih kurang 1330 hrs., beliau telah menerima panggilan telefon daripada seorang anggota polis yang memohon bantuan untuk menghantar anggota polis ke Jalan Guar Nanas, Gurun kerana ada satu lelaki Melayu terbaring di tepi Jalan Guar Nanas.

1.2 SP2 adalah Kpl. 118286 Mohd Sapari bin Muhammad. Pada 4.3.2015, beliau bertugas ronda cegah jenayah di kawasan Gurun. Beliau telah menerima maklumat daripada SP1 dan telah pergi ke tempat kejadian di Jalan Guar Nanas, Gurun pada jam 1.20 tengahari bersama L/Kpl. 169071 Shahrizan. Sampai di tempat kejadian, SP2 telah melihat ambulan bersama anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan orang ramai telah berada di situ.

SP2 telah nampak seorang lelaki di atas jalan terbaring di dalam keadaan tidak sedarkan diri. Terdapat kesan lubang kecil di bahagian dada hadapan lelaki tersebut. Beliau memakai baju warna hijau dan seluar warna kelabu.

SP2 telah mengarahkan anggota JPAM untuk membawa mangsa (lelaki tersebut) ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

SP2 telah membuat pemeriksaan ke atas sebuah motosikal No. PLN 1498 di tempat kejadian dan mendapati ada sebilah parang yang diselitkan dicelah raga motosikal (Eksibit P21), sebuah walkie talkie jenis Kenwood (Eksibit P6), sebuah handphone jenama Nokia warna merah (Eksibit P9), sebuah dompet (Eksibit P7) yang mengandungi wang kertas dan syiling berjumlah RM37/- (Eksibit P8). SP2 kemudiannya telah maklum kepada Ketua Polis akan kejadian ini dan membuat laporan polis Gurun Repot 697/15 (Eksibit P2). Barang-barang kes telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat kes, ASP Wan Azharuddin (SP13).

1.3 SP3 adalah Kpl. 125332 Md Radzi bin Mat Akhir yang bekerja sebagai Penjaga Stor Senjata. Tugas beliau adalah untuk memastikan setiap senjatapi dan peluru yang diambil oleh anggota polis diserahkan dengan secukupnya dan didaftarkan di dalam Buku Senjatapi (Eksibit P10). Bagi anggota yang mendapat kebenaran menggunakan senjatapi selama 6 bulan, mereka akan hadir pada setiap hari Khamis untuk tandatangan pergerakan dan penerimaan semula senjatapi yang digunakan. SP3 mengesahkan bahawa OKT menggunakan senjata jenis Pistol Walter P99 No. Siri RMP 23301 (Eksibit P11), beserta dengan 2 magazine dan 20 butir peluru. OKT akan datang ke pejabatnya pada setiap hari Khamis untuk menyerahkan senjata dan SP3 akan daftar yang baru untuk digunakan semula.

Selain daripada senjata Pistol (Eksibit P11), SP3 telah mengecamkan eksibit-eksibit berikut:

P12 - Magazine yang mengandungi 7 butir peluru.

P13 - Magazine yang mengandungi 5 butir peluru.

P14 - 2 anak peluru dan 3 kelongsong peluru dalam bungkusan (1).

P15 - 4 kelongsong peluru dalam bungkusan (2).

SP3 tidak menerima senjata ini selepas ujian balistik dibuat. Pada tahap pemeriksaan balas, SP3 menyatakan beliau tidak tahu samada peluru-peluru yang tidak terdapat di dalam magazine digunakan untuk balistik test shooting. Beliau juga tidak terlibat di dalam ujian balistik.

1.4 Saksi seterusnya adalah ASP 11797 Azman bin Md Rodzi (SP4) yang bertugas sebagai Ketua Cawangan Khas di IPD Pendang. Pada 4.3.15 jam lebih kurang jam 11 pagi, beliau telah dihubungi oleh isteri OKT menyatakan bahawa OKT telah melepaskan satu das tembakan di kawasan Guar Nanas, Gurun. SP4 telah pergi ke tempat kejadian bersama L/Kpl. 182580 Amiru bin Mohemod dan L/Kpl. 182496 Mohamad Ruzafiq bin Wahid. Sampai di tempat kejadian, OKT, isteri beliau dan ibu mertuanya berada di situ. OKT telah beritahu beliau bahawa dia telah lepaskan satu das tembakan. SP4 bersama 2 anggotanya telah mencari kelongsong peluru dan beliau telah berjumpa kelongsong peluru betul-betul di tengah-tengah jalan, jalanraya Guar Nanas.

Selepas itu, SP4 bersama anggota dan OKT telah pergi ke Balai Polis Gurun. Sampai di sana, SP4 telah dimaklumkan oleh SP1 bahawa mangsa telah

meninggal dunia di dalam perjalanan ke Hospital.

SP4 telah membuat laporan polis Gurun Repot 699/15 (Eksibit P16) dan merampas sepucuk Pistol Walter P99 No. Siri RMP 23301 (Eksibit P11), 2 kelopak dimana 1 kelopak ada 10 butir peluru dan 1 kelopak ada 9 butir peluru daripada OKT. Barang kes telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat kes ASP Wan Azharuddin (SP13) dengan menggunakan Sijil Serah Menyerah (Eksibit P18).

Sembilan belas (19) keping gambar tempat kejadian (Eksibit P19A-T) dirujuk kepada saksi dan beliau mengesahkan bahawa kelongsong peluru telah dijumpai di tempat yang beliau tandakan "X" di dalam Gambar D dan E, jalan masuk ke Kilang ACPI.

Pada tahap pemeriksaan balas, SP4 memberi keterangan bahawa beliau merupakan Ketua Bahagian untuk OKT dan OKT berada di dalam Cawangan Khas. OKT telah berada di bawah SP4 selama 3 tahun dan 3 bulan. Sebagai anggota Cawangan Khas, OKT boleh membawa senjata.

SP4 tidak tahu samada OKT dan ibu mertuanya telah membuat laporan polis di Balai Polis Gurun. Peguambela mencadangkan bahawa OKT telah membuat laporan polis di Balai Polis Gurun dan SP4 jawab tidak tahu. Sebagai Ketua Bahagian untuk OKT, OKT telah memberitahu SP4 apa yang terjadi.

Peguambela mencadangkan bahawa OKT telah maklum beliau bahawa dia telah melepaskan satu das tembakan amaran ke atas jalan di tempat kejadian dan SP4 tidak setuju. SP4 menyatakan bahawa OKT memberitahu beliau bahawa dia tidak 'aim' kepada mangsa tetapi telah tembak ke atas jalan.

Peguambela tanya samada SP4 tahu bahawa OKT telah melaporkan di dalam laporan Polis Gurun bahawa dia telah melepaskan tembakan ke atas jalan dan SP4 jawab tidak tahu. Peguambela juga mencadangkan bahawa perkara ini juga terkandung di dalam laporan polis ibu mertuanya dan SP4 jawab tidak tahu.

Gambar Eksibit P19 D dan E dirujuk. SP4 menyatakan kelongsong dijumpai oleh beliau dan 2 orang anggotanya. Tanda-tanda seperti di dalam gambar 19 D dan E diletakkan oleh pasukan Forensik. SP4 juga setuju bahawa anak peluru dari kelongsong tidak dijumpai di tempat kejadian.

Pada tahap pemeriksaan semula, SP4 memberitahu bahawa dia telah pergi ke tempat kejadian sebanyak 2 kali. Selepas menyerahkan laporan dan barang kes kepada ASP Wan Azharuddin (SP13), beliau telah menerima panggilan telefon daripada ACP Nasir b. Yong untuk pergi ke tempat kejadian bersama OKT. Tiba di sana, anggota daripada ACP Nasir dan pegawai telah menahan OKT.

1.5 SP5 adalah ibu mertua kepada OKT. Pada 4.3.2015 sebelah pagi, beliau bersama anaknya Norazina Azman (SD2) dan menantunya (OKT) telah pergi ke

Amanah Ikhtiar dekat Pokok Tai dan kemudiannya ke tempat kejadian di Gurun untuk mencari motor. Mereka menaiki kereta dan telah parking kereta di sana. Apabila ditanya “Di sana itu mana?” SP5 menjawab Gurun.

OKT telah masuk ke sebuah gudang yang berada di situ. Tiada bangunan lain di tempat itu, ia tengah hutan dan tiada sesiapa di sana pada masa itu. Tiada pengawal keselamatan di gudang. Gudang kosong dan tertinggal; terbiar. Pagar gudang tidak berkunci dan tidak ada dinding.

Selepas OKT masuk, anaknya berada di dalam kereta dan SP5 keluar daripada kereta dan tunggu di tepi jalan. Masa itu jam 12 lebih tengahari. Semasa itu, ada seorang budak lelaki Melayu datang dengan motosikal dan dia pusing 2, 3 kali. Dia ronda-ronda, pusing sekejappatah balik dan baru berhenti di hadapan SP5 dalam jarak lebih kurang 2 kaki. Dia memakai ‘cap’ dan SP5 cam muka beliau. SP5 sembang dengan dia. Dia tanya SP5 cari apa dan SP5 jawab cari motor. Semasa sembang, OKT telah keluar dari gudang hutan dan dia berlari menghala ke SP5 dan mangsa. Lelaki itu macam terkejut dan dia terus pecut motor. OKT telah kejar dia dan dia dapat tangkap di bahagian kolar baju. Dia pecut kuat dan OKT lepas dia. Dia terus membawa motor dan masa itu SP5 dan OKT jarak sudah jauh lebih kurang 15.8 meter. Masa itu OKT telah lepaskan tembakan. SP5 tidak nampak dia tembak. Beliau hanya dengar bunyi macam mercun.

Selepas itu OKT telah maklum kepada ‘boss’nya dan ‘boss’ beliau datang. OKT

telah menaiki kereta dengan 'boss' dan SP5 dan anaknya telah balik ke rumah.

Pada jam lebih kurang 7.00 petang, SP5 dan anaknya telah dipanggil ke balai polis. SP5 telah membuat laporan polis Gurun Repot 711/15 (Eksibit P22). Laporan polis dirujuk dan SP5 diminta menjelaskan mengapa di dalam laporan polis beliau telah menyatakan "menantu lelaki saya telah melepaskan satu das tembakan..." SP5 menjawab bahawa dia mendengar sahaja. Orang di balai tanya dan dia telah cakap bahawa dia dengar bunyi sahaja tetapi mereka yang tulis macam itu.

Pada tahap ini, pihak TPR telah memohon SP5 diperiksa balas dan dianggap sebagai 'hostile witness'. Baris ke- 4 di dalam laporan polis Gurun Repot 711/15 (Eksibit P22) dirujuk kepada saksi. TPR mencadangkan bahawa SP5 telah sebenarnya nampak OKT mengeluarkan pistol dari badan dia dan telah melepaskan tembakan. SP5 tidak setuju. Selepas selesai pemeriksaan balas oleh Pihak Pendakwaan, saya telah menyatakan bahawa saya akan memutuskan mengenai isu ini selepas mendengar keterangan saksi secara keseluruhan.

TPR telah menyambung dengan pemeriksaan utama terhadap SP5 selepas ini. SP5 menyatakan bahawa lelaki itu ada membawa sebuah telefon panjang, macam air tebu di dalam plastik dan besi atau parang.....beliau tidak pasti. Kes telah ditangguh ke hari lain kerana Mahkamah kesuntukkan masa.

Pada tarikh sambung bicara seterusnya, pemeriksaan utama disambung dan SP5 telah mengecamkan lelaki itu sebagai mangsa di dalam kes ini melalui gambar mangsa yang ditunjukkan kepadanya.

Pada tahap pemeriksaan balas, SP5 menyatakan beliau ada cakap sedikit dengan mangsa. SP5 tidak pasti samada terdapat sebilah parang tetapi benda itu panjang, melebihi raga motosikal, hitam dan ia diselit di tepi raga motosikal mangsa. Apabila mangsa melihat OKT keluar dari gudang lari ke hala SP5, mangsa telah memecut motosikal. Pada masa menantu keluar, dia ada menjerit "Berhenti" kepada mangsa. OKT telah berlari dan mengejar untuk menangkap mangsa. OKT telah berjaya tangkap mangsa di kolar baju....belakang... bahagian tengkuk tetapi mangsa berjaya melepaskan diri. Selepas itu OKT telah melepaskan satu das tembakan di bawah iaitu di tar...atas jalan.

Semasa SP5 berada di tempat kejadian, semasa beliau turun dari kereta, dia sedang pakai barang kemas. SP5 menyatakan OKT tidak menghala pistol ke belakang mangsa itu dan melepaskan tembakan. Peguambela mencadangkan bahawa apa-apa yang SP5 saksikan pada hari kejadian, iaitu mangsa datang..... menantu melepaskan tembakan ke bawah.... kesemuanya dimasukkan di dalam laporan polis dan SP5 setuju.

Pada tahap pemeriksaan semula, SP5 menyatakan dia ada nampak OKT melepaskan tembakan. SP5 beritahu bahawa laporan polis yang dibuatnya,

Gurun Repot 711/15 (Eksibit P22) adalah betul. Pada tahap pemeriksaan utama pada tarikh sebelum ini, SP5 telah memberi keterangan bahawa laporan polisnya tidak betul kerana dia telah panik kerana pertama kali masuk ke Mahkamah. SP5 menyatakan keterangan pada hari ini adalah betul.

1.6 SP6 adalah Insp. Zaiton bt. Yaacob yang bekerja sebagai Juruanalisa Balistik PDRM. Beliau telah menerima barang kes iaitu senjata Pistol Walter (eksibit P 11), anak peluru 9mm dan 2 magazine daripada Kpl. Cairil (SP8) pada 9.3.2015. Satu magazine mengandungi 9 anak peluru dan satu lagi magazine mengandungi 7 anak peluru.

Barang kes telah didaftarkan ke dalam sistem Malaysian Identification Database (MYBID). Pada hari yang sama, SP6 menjalankan ujian tembak sebanyak 3 das peluru yang digunakan dan memasukkan ke dalam sistem MYBID. Perbandingan dibuat di antara kelongsong yang dihantar dan kelongsong yang diuji tembak dan didapati corak keempat-empat kelongsong tersebut adalah dari 'pattern' yang sama. Laporan Pemeriksaan / Analisis disediakan (Eksibit P25) dan barang kes beserta laporan diserahkan semula kepada Kpl. Cairil pada hari yang sama.

Pada tahap pemeriksaan balas, SP6 menyatakan sebelum beliau menjalankan ujian, dia telah diserahkan dengan kelongsong yang telah ditembak oleh pistol. Anak peluru tidak diserahkan kepada beliau. Beliau setuju dengan cadangan peguambela bahawa sekiranya anak peluru diberikan kepadanya, beliau dapat

beritahu apa yang terjadi kepadanya, dimana ia ditembak dan sebagainya. SP6 tidak boleh memberitahu samada anak peluru ditembak ke atas kayu atau badan. Dia juga tidak pasti samada jawatankuasa polis di Negara lain dalam Jabatan Forensik boleh membuat ujian sedemikian.

SP6 pernah dengar situasi dimana apabila sebutir anak peluru terkena satu permukaan seperti air atau apa-apa permukaan, ia boleh mengubah hala dan memasuki permukaan yang kedua. Peguambela mencadangkan ada beberapa ujian balistik dan kes-kes dimana ia pernah berlaku dan ia menunjukkan 'entrance wound' pada badan adalah kasar dan SP6 menjawab ianya berkemungkinan. Peguambela mencadangkan sekiranya anak peluru diserahkan kepada beliau, Jabatan Forensik boleh mengkaji apa-apa 'substance' yang lekat pada anak peluru seperti jalan, batu atau 'human tisu'. SP6 menjawab ia adalah di luar bidang kuasanya. Beliau juga tidak pernah dengar kes dimana mangsa ditembak oleh sebuah 'ricochet bullet' yang telah ditembak atas satu lagi permukaan. SP6 tidak menjalankan ujian 'trajectory ricochet'. Beliau juga tidak diminta oleh Pegawai Penyiasat kes untuk hadir di hospital semasa bedah siasat. Pakaian mangsa juga tidak diberikan kepadanya untuk dibuat perbandingan.

1.7 Saksi seterusnya adalah Insp. Kevin anak Niru (SP7). Beliau adalah Inspektor Persenjataan di dalam Unit Pemusnahan Bom. SP7 telah menjalankan ujian uji tembak ke atas senjata Pistol Walter (Eksibit P11) dengan menggunakan 2 kelopak yang berisi peluru masing-masing. Hasil ujian tembak mendapati 2

butir peluru di dalam kelopak A dan 2 butir peluru di dalam kelopak B telah berjaya diletupkan dengan menggunakan senjatapi berkenaan. SP7 telah menyediakan Laporan Pemeriksaan Ujian Tembak bagi barang kes bersangkutan Gurun Repot 696/15 (Eksibit P30).

1.8 SP8, Kpl. 148388 Cairil Ridzwan bin Salleh adalah anggota polis yang telah menyerahkan barang kes kepada Insp. Zaiton (SP 6) untuk dianalisa.

1.9 SP9 adalah Jurufoto yang telah merakam gambar mangsa, tempat kejadian dan barang-barang kes.

1.10 Saksi Pendakwaan seterusnya adalah Mohamad Rizal bin Abd Razak (SP10) yang bekerja sebagai Pegawai Pertahanan Awam di Pejabat Pertahanan Awam Daerah Yan. Pada 4.3.15, di Pusat Kawalan Operasi Daerah, panggilan diterima mengenai kemalangan jalanraya di lokasi Gurun. SP10 bersama-sama 4 lagi anggota bersama dengan sebuah ambulan telah pergi ke lokasi tersebut. Mangsa masih bernafas dan mereka diarahkan oleh anggota polis untuk membawa mangsa ke Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani. Di dalam perjalanan ke hospital, SP10 bersama anggotanya mencuci luka mangsa pada bahagian kaki akibat jatuh dari motosikal. SP10 tidak pasti samada terdapat kecederaan lain pada anggota badan yang lain.

1.11 Saksi Pihak Pendakwaan yang seterusnya adalah Jurugambar (SP11)

yang telah mengambil gambar-gambar post mortem mangsa di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar pada 5.3.2015.

1.12 Dr. Mohd Suhaini bin Mohd Noor (SP12) adalah seorang Pakar Perunding Forensik dan Ketua Jabatan. Beliau telah menjalankan bedah siasat ke atas mangsa bernama Shahrul Rizal Abdul Rahim pada 5.3.2015 di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Hasil bedah siasat (Laporan Bedah Siasat - eksibit P38), terdapat 2 luka yang berpunca daripada tembakan senjatapi iaitu 1 luka tembakan masuk di sebelah belakang badan dan 1 luka tembakan keluar di bahagian dada. Luka tembakan masuk berukuran 0.9 x 0.7 cm di sebelah kanan bahagian tengah belakang badan mangsa pada aras yang lebih rendah daripada luka tembakan keluar. Tiada kesan jelaga atau kesan-kesan zahirah (particle) serbuk letupan di sekitar luka tersebut. Luka tembakan keluar berukuran 1.4 x 1 cm di sebelah kanan dada pada lokasi ke atas sedikit daripada atas puting kanan. Luka tembakan masuk di belakang badan tidak menunjukkan rupa bentuk tembakan lekap atau jarak yang terlalu dekat. Didapati bahawa peluru telah menembusi organ paru-paru sebelah kanan dan pada dasarnya kecederaan tersebut memang bersifat maut atau 'fatal in nature'.

Apabila SP12 ditanya samada arah tembakan mengenai badan mangsa secara terus atau 'ricochet', jawapan saksi adalah seperti berikut:

"Merujuk kepada kemungkinan simati terkena butir peluru lantunan (ricochet bullet) perlu dijelaskan bahawa peluru lantunan akan menunjukkan sifat-sifat

tertentu.

Pertama dari rupa bentuk butir peluru tersebut dimana setelah mengenai sasaran yang pertama ia akan mengalami perubahan rupa bentuk iaitu ia tidak lagi akan bersifat seperti butir peluru yang cantik. Ia mungkin akan pecah atau mungkin jadi kemek. Kedua, akibat lantunan tersebut dan kehilangan rupa cantik butir peluru, maka ia juga akan kehilangan sifat penerbangan aero-dinamik. Makna flight butir peluru tidak lagi menjadi stabil. Maka ia akan tumble, pitch atau meneleweng. Apabila penerbangan sifat sedemikian, maka besar kemungkinan muncung (nose of the bullet) akan terkena pada kulit simati tetapi mungkin keseluruhan bahagian tepi peluru yang tidak lagi bersifat cantik akan menembusi kulit. Maka luka tembakan masuk tidak lagi akan menjadi bulat atau bujur tetapi jadi irregular atau besar. Disamping itu juga, oleh kerana butir peluru sudah alami deformation dari segi bentuk dan hilang sifat aero dinamik ketika menembusi kulit, maka tenaga yang ada pada butir peluru tersebut untuk menembusi keluar badan simati sudah berkurangan dengan banyak. Dengan itu adalah menjadi kebiasaan utk ricochet bullet tidak menembusi keluar badan atau ia akan retain di dalam body. Perkara ini tidak dilihat pada tubuh simati.”

Pada tahap pemeriksaan balas, saksi mengesahkan bahawa mangsa telah meninggal dunia akibat ‘single gunshot wound’. Beliau tidak memohon untuk anggota daripada Forensik Balistik Department dari PDRM untuk hadir bersama semasa bedah siasat dilakukan. Peguambela mencadangkan untuk bedah siasat yang melibatkan ‘firearm injury’, pakar Balistik perlu hadir bersama. SP12

menjawab beliau tahu tetapi ia bukan standard yang digunapakai di Malaysia. Pakar Balistik tidak hadir bersama semasa bedah siasat dijalankan. SP12 ada tanya pihak polis samada peluru dan kelongsong peluru dijumpai tetapi dimaklumkan butir peluru tiada tetapi kelongsong peluru ada. SP12 tidak dimaklumkan oleh Pegawai Penyiasat kes bahawa ada saksi yang menyatakan peluru telah 'ricochet' daripada jalan.

Peguambela merujuk kepada gambar P35, gambar No. 37. Ia menunjukkan 'entrance wound' dari belakang. Peguambela mencadangkan 'edge of the wound is ragged and rough'. SP12 tidak setuju.

Soal balas peguambela dan jawapan SP 12 adalah seperti berikut:

S: Agree that the Forensik and Medical Literature when a ricochet bullet hits and enters the body, because its yawing or tumbling as it has hit a primary surface before it hits the secondary surface, the wound is not clean and round, Its ragged and rough?

J: Same answer with my examination in chief. I agree.

S: Are you aware that words and literature support the fact that ricochet wounds are always oval and irregular, the entrance and exit wounds?

J: Tidak setuju dgn oval tetapi setuju irregular.

S: Are you aware that direct gunshot wounds that is discharged from firearm

straight into the body is always clean, the entrance and the exit?

J: Jika always, saya tidak setuju.

Peguambela merujuk kepada Eksibit P20, gambar E. SP12 ditanya samada ia adalah exit wound dan beliau menjawab dia tidak boleh sahkan berdasarkan gambar ini kerana luka perlu dicuci dahulu. Melihat kepada gambar ini, rim yang berada di sekeliling adalah dipanggil wound margin. Pegumbela mencadangkan bentuk wound margin ini kelihatan 'oval' dan bukannya 'round' dan saksi menjawab dia tidak dapat komen atas gambar ini sahaja samada ia oval atau round.

S: Agree not all ricochet bullet wounds, the bullet remain in the body and many exits the body?

J: Secara umum. Jika peguam rujuk kepada majority saya tidak setuju.

S: Dalam komen ada tulis gunshot wound adalah round and clean?

J: Tidak ditulis clean. Round pun tiada.

S: Have you trained specifically or gone for any seminar, or course or any specific accreditation for gunshot wounds which include velocity of travel, ricochet. Are you expert in that area?

J: I am not expert in that area. I don't have certificate in gunshot wounds. Gunshot wounds is part of Sarjana Patoloji Forensik.

Berkenaan amalan yang memerlukan kehadiran Forensik Balistik, SP12 menjawab bahawa ada pelbagai amalan di seluruh dunia dan amalan ini mungkin digunapakai di beberapa states di Amerika Syarikat. Penglibatan pasukan Balistik mungkin akan berlaku di peringkat re-construction. Jika polis buat re-construction, SP12 akan terlibat bersama tetapi ia tidak berlaku.

1.13 Pegawai Penyiasat bagi kes ini ialah ASP Wan Azharuddin bin Wan Ismail (SP13). Pada 4.3.2015, beliau telah dimaklumkan oleh Insp. Ilham bahawa terdapat satu mangsa iaitu seorang lelaki Melayu dijumpai terbaring di atas tanah di Jalan Guar Nanas dan mangsa telah dibawa ke Hospital Sungai Petani oleh anggota JPAM. SP13 telah pergi ke tempat kejadian bersama Pasukan Siasatan. Beliau mendapati satu kesan tompokan darah dan sebuah motosikal No. PLN 1498 dalam keadaan terbaring.

Kpl. 118286 Mohd Sapari bin Mohamad (SP2) telah menyerahkan barang-barang kes iaitu wang tunai bercampur-campur berjumlah RM37/-, walkie talkie, handphone, sebilah parang dan sebuah motosikal melalui Borang Serah Menyerah kepada SP13.

Selain daripada itu, beliau dimaklumkan oleh ASP Azman (SP4), Ketua Cawangan Khas IPD bahawa seorang anggota dari IPD Pendang telah melepaskan satu das tembakan kira-kira 200m dari tempat mangsa dijumpai. Anggota berkenaan berada dengan beliau dan ASP Azman telah menunjukkan

anggota berkenaan iaitu OKT di dalam kes ini.

ASP Azman juga telah menyerahkan sepucuk Pistol Walter P99 bersama 2 kelopak peluru kepada beliau. Pistol dan kelopak peluru telah dihantar ke Jabatan Forensik PDRM untuk ujian balistik dan MYBID. Ia dihantar oleh Kpl. Cairil (SP8). SP13 telah memberi kad kuasa kepada Kpl. Cairil untuk menghantar dan menerima barang kes bagi pihak SP13. Hasil pemeriksaan, SP13 telah menerima Laporan Pemeriksaan Analisis (Eksibit P25).

Selepas menerima semula barang kes daripada Kpl. Cairil, SP13 telah menghantar pistol dan 2 kelopak peluru ke Bahagian AMRA (Bahagian Persenjataan), IPD Kuala Muda untuk ujian 'serviceability' atau kebolegunaan pistol berkenaan. Analisa dilakukan oleh Insp. Gavin a/l Niru (SP7) dan hasil analisa di dalam Laporan Pemeriksaan Ujian Tembak (Eksibit P30) adalah pistol dan kedua-dua kelopak berfungsi dengan baik.

Selain daripada itu, SP13 juga telah lukis Rajah Kasar (Eksibit P40) dan Kunci Rajah Kasar (Eksibit P41).

Insp. Mohd Shuhaimi (SP14) telah maklumkan tangkapan telah dibuat terhadap OKT dan OKT diserahkan kepada SP13. Insp. Mohd Shuhaimi juga telah serah satu kelongsong peluru yang telah kemek kepada SP13. Berdasarkan siasatan, OKT yang telah menyerahkan kelongsong peluru kepada Insp. Mohd Shuhaimi.

SP13 telah mengarahkan Insp Ilham untuk menghadiri bedah siasat mangsa yang bernama Shahrul Rizal bin Abd Rahim. Gambar bedah siasat diambil oleh L/Kpl. Amirul (SP11). Hasil bedah siasat, sebab kematian adalah gunshot wound to thorax.

SP13 juga telah mengarahkan Insp. Shamsul (SP14) untuk menghantar sejumlah 24 barang kes ke Jabatan Kimia. Barang-barang tersebut itu adalah barang-barang yang diambil dari tempat kejadian, pakaian mangsa dan OKT dan juga hasil dari bedah siasat.

Hasil pemeriksaan dari Jabatan Kimia (Laporan kimia – Eksibit P47 dan P48) tidak membantu untuk menguatkan kes kecuali wujudnya 'DNA unknown'. Dijumpai satu DNA perempuan ke atas eksibit yang diambil dari tempat kejadian. Dua sampel telah diambil iaitu dari isteri OKT dan emak mertua OKT. DNA yang dijumpai bukan dari isteri atau emak mertua OKT.

Pemeriksaan juga telah dibuat ke atas cover set kepala motosikal dan eksibit-eksibit daripada Forensik Hospital Sultanah Bahiyah. Hasil laporan (Laporan Kimia - Eksibit P49) ialah cisa tembakan senjatapi tidak dikesan pada semua stub logam tersebut.

Hasil siasatan adalah mangsa meninggal dunia akibat tembakan melalui peluru pistol yang mengenai bahagian belakang simati dan menembusi bahagian

hadapan badan simati. Semasa peluru masuk ke badan simati, kedudukan simati pada masa itu di dalam keadaan membongkok ke hadapan.

Pada tahap pemeriksaan balas, SP13 setuju tiada anak peluru dijumpai. Beliau pernah mendengar mengenai kejadian tembakan 'ricochet'. Jabatan Forensik Balistik PDRM tidak menjalankan apa-apa ujian 'ricochet'. Tiada juga pegawai dari Balistik PDRM yang hadir semasa bedah siasat dijalankan. SP13 setuju bahawa OKT di dalam laporan polisnya (Gurun Repot 705/15 – Eksibit D51) dan di dalam percakapan amaran (Eksibit D52) telah melaporkan bahawa dia telah melepaskan tembakan amaran ke atas jalan. OKT merupakan seorang anggota Special Branch yang berlesen untuk membawa dan menggunakan pistol.

Pada tahap pemeriksaan semula, SP13 menyatakan permohonan untuk menjalankan ujian 'ricochet' kepada Jabatan Forensik Balistik tidak dibuat berdasar Laporan Patoloji yang menyatakan peluru yang masuki badan simati ialah clean shot ataupun anak peluru tidak kena apa-apa benda semasa masuki badan simati.

1.14 Saksi terakhir kes Pendakwaan adalah Insp Mohd Shuhaimi bin Haji Joohari (SP14). Beliau yang telah merampas barang-barang kepunyaan OKT iaitu 1 beg pinggang, pas pengenalan awam, kad pengenalan polis, telefon bimbit dan 1 kelongsong peluru dan menyerahkan kepada Pegawai Penyiasat kes (SP13).

1.15 OKT telah dilepaskan dan dibebaskan bagi pertuduhan dibawah **Seksyen 304(a) Kanun Keseksaan** pada akhir kes Pendakwaan.

1.16 Keterangan OKT (SD1) setelah dipanggil untuk membela diri dibawah **Seksyen 304A Kanun Keseksaan** adalah seperti berikut. Pada 4.3.2015, SD1 bertugas 'duty officer' dan ditugaskan untuk 'stand by' 24 jam pada hari itu. Pada hari itu juga, SD1 telah membuat laporan polis (Eksibit D53 – Gurun Rpt 690/15) mengenai motosikalnya yang telah hilang pada 3.3.2015. Beliau telah dengan kebenaran Ketua Bahagian Cawangan Khas Pendang iaitu boss beliau, telah membuat laporan polis dan pergi ke tempat motosikalnya hilang iaitu di 'R&R Gurun, Guar Nenas untuk mencari motosikal beliau.

SD1 telah pergi ke tempat tersebut bersama isteri (SD2) dan mak mertua (SP5) menaiki sebuah kereta. Isteri dan mak mertua hanya duduk di dalam kereta sahaja dan SD1 telah mencari motosikalnya dari R&R Gurun hala utara sampai ke Kilang ACPI.

Apabila sampai ke Kilang ACPI, SD1 telah mencari dalam lebih kurang 30 minit dan masih tidak menjumpai motosikalnya. Sebelum itu SD1 telah ingatkan isteri dan mak mertuanya untuk menunggu di dalam kereta di hadapan Kilang ACPI.

Semasa beliau sedang mencari, SD1 mendapat satu panggilan telefon dari isteri beliau mengatakan untuk keluar pergi ke kereta sebab ada seorang lelaki yang

tidak dikenali yang cuba hampiri kereta dengan menggunakan motosikal. Dia kata dia rasa sangsi sebab orang itu ada parang di motosikal dia, pisau dan macam-macam lain... SD1 tidak ingat.

SD1 terus lari keluar dari kilang itu dan pergi ke tempat mereka di luar. Apabila SD1 keluar dari kilang, beliau nampak seorang lelaki dekat dengan mak mertua beliau dan lelaki itu memerhatikan kiri dan kanan. SD1 cuba nak menghampiri dia untuk bertanya. Tetapi apabila SD1 cuba nak dekati dia, dia yang mula-mula duduk dekat dengan mak mertua, cuba lari. SD1 pun cuba nak menghampiri dia tetapi dia terus lari ke motosikal dia. SD1 pun terus lari pergi ke motosikal dia untuk pegang dia.

Soalan peguambela dan jawapan SD1 adalah seperti berikut:

S: Dia lari ke motosikal dia dan awak kejar dia untuk tangkap dia. Kenapa awak buat macam itu?

J: Saya nak tahan kerana nak tanyakan apa tujuan dia datang ke situ. Kita sebagai polis nak tanya dia. Tetapi dia lari sebab itu saya cuba nak tangkap dia. Itu sahaja.

S: Apa berlaku selepas itu?

J: Bila saya lari pergi dekat dia dan saya dapat capai baju kolar belakang dia. Selepas itu, masa itu dia pun sudah hidupkan motosikal dia. Dia pun jalan. Saya pun tidak lepaskan baju dia. Lepas itu saya terpaksa lepaskan motosikal itu

sebab kalau jika saya tidak lepas, saya akan jatuh. Sebelum saya lepaskan motosikal itu saya sudah beritahu “Berhenti, jalan lari”. Dia tidak berhenti juga. Dalam keadaan saya tidak stabil, saya lepaskan motosikal itu dan saya telah melepaskan tembakan amaran ke arah tar jalan di sebelah kanan. Itu sahaja.

S: Macamana awak lepaskan tembakan? Apa yang awak ambil untuk lepaskan tembakan?

J: Saya gunakan pistol saya, satu pistol PNN yang diisu oleh polis dan melepaskan tembakan amaran ke atas tar.

S: Kamu selalu pegang pistol ini?

J: Saya Detektif Cawangan Khas dan boleh miliki senjata 24 jam dengan syarat-syarat tertentu.

S: Apa berlaku selepas itu?

J: Mangsa terus melarikan diri juga menaiki motosikal, no plet saya tidak ingat, terus ke jalan menghala ke Gurun. Saya pun tidak tahu selepas itu dia pergi ke mana. Cara dia memandu motosikal seperti memang tidak kena tembakan.

Selepas itu SD1, isteri dan mak mertuanya tunggu di tempat kejadian. SD1 telah maklumkan kepada Ketua Bahagiannya bahawa beliau telah melepaskan tembakan dan mereka datang ke tempat kejadian.

Semasa SD1 melepaskan tembakan, isteri dan mak mertuanya berada jauh di belakangnya. Mereka tidak nampak SD1 tetapi mungkin mereka dengar tembakan. SD1 telah melepaskan tembakan amaran ke atas jalan tar untuk memberhentikan lelaki itu.

Soalan peguambela dan jawapan SD1 adalah seperti berikut:

S: Kenapa awak lepaskan tembakan ke arah jalan tar?

J: Sebab kedudukan masa saya tengah berlari, kedudukan saya tak stabil dan sebab itu saya lepaskan tembakan ke arah tar.

S: Kenapa awak tidak lepaskan tembakan amaran ke langit atau atas?

J: Sebab keadaan tidak stabil dalam cuba nak jatuhkan lelaki itu.

S: Adakah awak pada bila-bila masa lepaskan tembakan ke arah lelaki?

J: Tidak.

S: Adakah awak pada mana-mana masa hendak lepaskan tembakan amaran tersebut untuk niat untuk cederakan lelaki itu?

J: Tidak.

S: Adakah awak pada mana-mana masa awak lepaskan tembakan amaran itu dengan niat untuk membunuh lelaki itu?

J: Tidak.

S: Kenapa awak tidak biarkan lelaki itu lari dari situ?

J: Sebab saya sangsi dia untuk bertanyakan motosikal saya dan juga sangsi saya terhadap lelaki itu kemungkinan dia ada cuba untuk lakukan sesuatu seperti samun terhadap mak mertua saya kerana jarak dia terlalu dekat dengan mak mertua saya. Masa hari kejadian, mak mertua memiliki barang kemas emas di tangan kiri, tangan kanan dan dileher.

Selepas Ketua Cawangan SD1 datang, mereka cuba untuk mencari lelaki itu di Hospital Sg. Petani, Hospital Yan, Balai Polis Gurun, IPD Sg. Petani dan Balai Polis Guar Chempedak tetapi tiada repot yang menyatakan ada orang yang terkena tembakan.

SD1 telah ditangkap oleh Unit D9, IPK Kedah. SD1 telah membuat laporan polis (Eksibit D51 - Gurun Rpt 705/15) mengenai apa yang berlaku pada hari kejadian. Semasa direman, SD1 telah memberi percakapan amaran kepada pihak polis (Eksibit D52). Selepas beberapa hari dalam lokap, Penolong Pegawai Penyiasat telah maklumkan kepada beliau bahawa lelaki itu telah mati.

Pada tahap pemeriksaan balas, SD1 menyatakan semasa beliau keluar dari kilang, jarak beliau dengan simati lebih kurang 10 ke 15 meter. Isteri beliau berada di luar kereta bersama mak mertuanya. Jarak di antara mereka tidak jauh sangat dan tidak dekat sangat. Apabila SD1 sampai di tempat kejadian, lelaki itu dekat dengan mak mertua dan dia perhatikan kiri dan kanan. Pada waktu itu SD1

masih bertugas dan sedang bertugas. Beliau berpakaian preman. SD1 tidak tahu isterinya membuat panggilan telefon dari mana, samada dari dalam atau di luar kereta. Dia juga tidak memberitahu ibu mertua berada dimana ketika itu. SD1 telah bergegas keluar selepas mendapat panggilan telefon. Beliau lari ke tempat itu kerana lelaki itu cuba untuk lari juga. SD1 telah lari nak hampiri dan cakap "Berhenti, jangan lari". SD1 telah kejar dia kerana nak tahan dia, untuk sembang dan tanya dia sebab dia hampiri mak mertua beliau.

Polis boleh melepaskan tembakan dalam keadaan dia mengancam keselamatan nyawa. Keadaan waktu itu mengancam nyawa mak mertua dan isteri beliau. SD1 tidak setuju dengan cadangan Pihak Pendakwaan bahawa waktu beliau melepaskan tembakan, lelaki itu sudah pun melarikan diri.

SD1 setuju dengan cadangan Pihak Pendakwaan bahawa waktu beliau pegang kolar baju lelaki itu, motosikal bergerak dan SD1 telah terpaksa melepaskan dan keadaan SD1 tidak stabil. SD1 setuju dalam keadaan tidak stabil, SD1 telah melepaskan tembakan.

SD1 tidak setuju dengan cadangan Pihak Pendakwaan bahawa tindakan beliau melepaskan tembakan ke arah simati adalah satu tindakan yang cuai.

Pada tahap pemeriksaan semula, SD1 menyatakan beliau telah melepaskan tembakan kerana beliau telah memberikan amaran untuk lelaki itu berhenti tetapi

dia tidak berhenti juga. SD1 tidak tembak terus terhadap dia tetapi menembak amaran. Ahli polis boleh lepaskan tembakan amaran yang beliau percaya adalah bahaya. Semasa SD1 melepaskan tembakan amaran ke arah jalan tar, SD1 tidak lihat atau perhatikan tembakan kena pada lelaki atas motosikal.

Sekarang selepas bicara, SD1 tahu tembakan beliau yang telah menyebabkan lelaki itu mati. SD1 tidak ada niat untuk cedera dan bunuh lelaki itu. Selain dari jalan tar, SD1 tidak boleh melepaskan tembakan itu ke mana-mana arah yang lain kerana kedudukan SD1 pada masa itu, dengan berlari dan tidak stabil.

SD1 telah mendapat tahu dari Pegawai Penyiasat bahawa sebilah pisau dijumpai di dalam raga motosikal lelaki tersebut.

1.15 Saksi Pembelaan kedua (SD2) adalah isteri kepada OKT. Pada 4.3.2015, beliau bersama ibu (SP5) dan suaminya (OKT) telah mencari motosikal OKT jenis Yamaha yang hilang masa malam sebelum kejadian di kawasan R& R, Gurun sehingga ke satu kilang lama, tak pasti kilang apa. Selepas sampai ke kilang, OKT keluar seorang tinggalkan beliau dan SP5. Kawasan itu sunyi sedikit dan OKT telah suruh SP5 tinggal di dalam kereta. OKT terus masuk ke dalam kilang agak lama dalam 20 minit.

SP5 telah keluar dari kereta sebab dia nampak sebuah motosikal 2, 3 kali pusing dekat kawasan kereta mereka. SD2 ada nampak sebilah parang di atas

motosikal itu. Parang itu diselit dicelah di antara bakul dan kepek motosikal. SD2 takut SP5 akan disamun sebab SP5 memakai barang kemas yang banyak. Dia memakai rantai tangan dan ada tiga (3) di bahagian kiri dan kanan. SD2 takut emak beliau (SP5) akan kena ragut.

Oleh kerana SD2 rasa takut, beliau telah telefon OKT. OKT telah suruh SD2 cepat-cepat keluar dari kereta dan teman SP5 kerana takut jadi benda yang tidak elok. SD2 telah keluar dari kereta dan terus berdiri di tepi SP5 dan dekat dengan motosikal.

Apabila OKT keluar dari kilang, dia berlari sampai dekat mereka dan semasa dia sampai, motosikal itu dia cuba nak lari. OKT telah lari ke arah motosikal itu. Motosikal itu macam nak lari selepas tengok OKT. OKT telah pegang kolar baju lelaki itu, motosikal terus pecut dan OKT terseret.

SD2 nampak OKT bergelut dengan lelaki itu. SD2 dengar bunyi tembakan dan nampak asap di atas jalan. Motosikal itu memecut tak tahu dia pergi ke mana. SD2 tidak nampak asap di tengah-tengah langit. Masa itu jarak di antara beliau dan OKT jauh juga (lebih kurang 30 kaki), beliau dan SP5 berada di belakang. SD2 tidak tahu ke arah mana OKT telah lepaskan tembakan.

Semasa bergelut, posisi OKT macam nak terjatuh. Posisi dia macam nak menunduk sedikit, tidak stabil, sebab motosikal dalam keadaan pecut dan OKT

sedang lari.

Selepas itu OKT terus telefon pegawai dia ASP Azman. ASP Azman telah datang bersama 2 orang yang lain.

Isu dan Pendapat (Findings of Fact)

2.1 Seksyen 304A: Menyebabkan kematian dengan cuai.

Barang siapa menyebabkan kematian mana-mana orang, dengan melakukan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah kepada mematikan orang dengan salah, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

Di dalam Bahasa Inggeris, **Seksyen 304A Kanun Keseksaan** berbunyi seperti berikut:

“Whoever causes the death of any person, by doing any rash or negligent act not amounting to culpable homicide, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years, or with fine, or with both.”

Di dalam kes **Public Prosecutor v Mahfar bin Sairan [2000] 4 MLJ 791**, rujukan dibuat kepada buku **Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes (24th Ed) ms 1509–1510**, yang menyatakan seperti berikut:

“Under this section all that is required for the prosecution to prove is that the accused had caused the death of the deceased by a rash or negligent act, that the

act of the accused in causing his car to have come into contact with the person of the deceased was rash and or negligent.

There is a dearth of authorities on s 304A of the Penal Code, particularly with respect to what conduct can be termed as rash and what as negligent. Reference must therefore be made to commentaries on the subject by established authors for guidance.

The commentary of the learned authors of Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes (24th Ed) at pp 1509–1510 on 'rash or negligent act' reads as follows:

'Rash or negligent act' - A rash act is primarily an overhasty act, and is this opposed to a deliberate act, but it also includes an act which, though it may be said to be deliberate, is yet done without due care and caution. Illegal omission is 'act' under this section and may constitute an offence if it is negligent.

Criminal rashness is hazarding a dangerous or wanton act with the knowledge that it is so, and that it may cause injury, but without intention to cause injury, or knowledge that it will probably be caused. The criminality lies in running the risk of doing such an act with recklessness or indifference as to the consequences.

'Criminal negligence' is the gross and culpable neglect or failure to exercise that reasonable and proper care and precaution to guard against injury either to the public generally or to an individual in particular, which, having regard to all the

circumstances out of which the charge has arisen, it was the imperative duty of the accused person to have adopted. 'Negligence' is the omission to do something which a reasonable man, guided upon those considerations which ordinarily regulate the conduct of human affairs, would do, or doing something which a prudent and reasonable man would not do. The Supreme Court has observed to the same effect. In order to establish criminal liability the facts must be such that the negligence of the accused goes beyond a mere matter of compensation between citizens and shows such disregard for the life and safety of others as to amount to a crime against the State and conduct deserving punishment.

'Culpable rashness' is acting with the consciousness that the mischievous and illegal consequences may follow, but with the hope that they will not, and often with the belief that the actor has taken sufficient precautions to prevent their happening. The imputability arises from acting despite the consciousness (luxuria). Culpable negligence is acting without the consciousness that the illegal and mischievous effect will follow, but in circumstances which show that the actor has not exercised the caution incumbent upon him, and that if he had he would have had the consciousness. The imputability arises from the neglect of the civic duty of circumspection. It is manifest that personal injury, consciously and intentionally caused, cannot fall within either of these categories, which are wholly inapplicable to the case of an act or series of acts, themselves intended, which are the direct producers of death. To say that because, in the opinion of the

operator, the sufferer could have borne a little more without death following, the act amounts, merely to rashness, because he has carried the experiment too far, results from an obvious and dangerous misconception... It is clear, however, that if the words 'not amounting to culpable homicide' are a part of the definition, the offence defined by this section consists of the rash or negligent act, not falling under that category, as much as of its fulfilling the positive requirement of being the cause of death. Negligence is the genus of which rashness is a species.'

The Federal Court in **Adnan bin Khamis v Pp [1972] 1 MLJ 274 at p 274** has laid down the test to be applied for determining the guilt or innocence of an accused person charged with rash or negligence conduct under **S.304A of the Penal Code** is to consider:

"Whether or not a reasonable man in the same circumstances would have been aware of the likelihood of damage or injury to others resulting from such conduct and taken adequate and proper precautions to avoid causing such damage or injury."

2.2 Dalam kes ini, menggunakan persoalan yang sama seperti di atas, Mahkamah perlu menilai sama ada orang munasabah dalam keadaan seperti mana kes ini, akan:

- a) mengetahui tentang kebarangkalian mengakibatkan kecederaan ke atas mangsa dengan melepaskan tembakan; dan
- b) mengambil langkah berhati-hati untuk mengelakkan kecederaan

tersebut.

2.2 Keterangan SP5 iaitu emak mertua kepada OKT telah pada mulanya menyatakan bahawa beliau tidak nampak OKT melepaskan tembakan dan dia mendengar bunyi tembakan sahaja. Beliau menyatakan bahawa laporan polis beliau iaitu Gurun Repot 711/15 (Eksibit P22) adalah tidak betul.

Pada tahap pemeriksaan balas pada tarikh sambung bicara seterusnya, saksi telah mengesahkan bahawa laporan polis yang dibuatnya adalah betul. Beliau menyatakan bahawa dia telah nampak OKT melepaskan tembakan ke arah jalan dan bukannya ke arah mangsa.

Melihat kepada 'demeanour' SP5 dan keterangan beliau secara keseluruhan, saya berpendapat beliau bukan seorang 'hostile witness'. Beliau seorang yang kurang tahap pemahaman. Saya mengambil kira keterangan beliau bahawa dia telah berasa panik semasa pertama kali hadir ke Mahkamah dan oleh itu keterangan beliau pada sesi pemeriksaan utama pada hari pertama bercanggah dengan laporan polis yang dibuatnya.

2.3 Selain daripada itu, SP5 juga memberi keterangan bahawa pada masa OKT keluar dari gudang, dia ada menjerit "Berhenti" kepada mangsa. OKT telah berlari dan mengejar untuk menangkap mangsa. OKT telah berjaya tangkap mangsa dikolar baju, bahagian belakang iaitu di bahagian tengkuk tetapi mangsa

berjaya melepaskan diri. Selepas itu OKT telah melepaskan satu das tembakan di atas jalan.

Saya telah meneliti Gurun Repot 711/15 (Eksibit P22) yang dibuat oleh SP5 selepas kejadian. Laporan beliau adalah seperti berikut “..... Saya telah keluar dari kereta dan telah didatangi oleh 1 lelaki Melayu. Lelaki tersebut telah sembang dan dalam pada masa yang sama cuba meragut beg saya. Menantu lelaki saya telah melihat insiden tersebut dan keluar daripada kilang tersebut untuk membantu. Menantu lelaki saya cuba untuk dapatkan suspek. Menantu lelaki saya telah melepaskan satu das tembakan di bahagian bawah.....”

Walaupun Pihak Pendakwaan telah mengemukakan laporan polis ini sebagai eksibit, Pihak Pendakwaan langsung tidak membawa kepada perhatian Mahkamah mengenai kejadian meragut beg dan sebab OKT telah mengejar mangsa.

Di dalam kes **Mahmood v Government of Malaysia and Another (1974) 1 MLJ 103**, tertuduh telah melepaskan satu tembakan amaran ke atas jalan. Kes diputuskan seperti berikut:

“(Held): That if a police officer has reasonable suspicion to suspect someone and after issuing the necessary warnings, he may take all necessary steps including the use of firearms as a last resort to prevent them from escaping. Nevertheless, in this case the shot that was fired was not aimed at the deceased and it was only

a warning shot”.

2.4 OKT adalah seorang anggota polis di bahagian Special Branch yang dilesenkan untuk membawa senjata pistol. Mengikut keterangan saksi Pendakwaannya sendiri, OKT telah melepaskan satu (1) das tembakan ke atas jalan dan bukannya ke atas mangsa.

2.5 SP6 adalah Juruanalisa Balistik PDRM. Beliau tidak dibekalkan dengan peluru yang mengenai mangsa semasa ujian analisa dijalankan. Beliau mengesahkan tiada ujian ‘ricochet’ berkenaan ‘trajectory’ peluru telah dijalankan. Beliau juga tidak diminta untuk hadir bersama semasa bedah siasat dijalankan. SP7 juga hanya menjalankan ujian ‘servicibility’ keatas pistol dan peluru. Peluru yang mengenai mangsa tidak dijumpai dan tiada apa-apa ujian dapat dilakukan untuk menentukan apa yang terjadi kepadanya, dimana ia ditembak dan sebagainya. Pihak Pendakwaannya tidak dapat menjalankan apa-apa ujian untuk menidakkan pembelaan peluru ‘ricochet’ yang mengenai mangsa.

2.6 Di dalam lapuran bedah siasat (Eksibit P38) yang disediakan oleh Pakar Perunding Forensik, SP12 mengesahkan bahawa luka yang terdapat pada badan mangsa tidak disebabkan oleh ‘ricochet bullet’. SP12 menyatakan sekiranya ia adalah dari ‘ricochet bullet’, bentuknya adalah ‘irregular’ dan bukannya bulat. Beliau juga menyatakan untuk mengenal pasti ‘ricochet wound’, beliau perlu melihat kepada peluru kerana peluru akan menukar ‘form and shape’. Akan

tetapi di dalam kes ini, SP12 tidak dapat membuat kajian terhadap peluru kerana ianya tidak dikemukakan kepada beliau.

Walaupun SP12 mempunyai pengetahuan bahawa mangsa meninggal dunia akibat kesan tembakan pistol, beliau tidak memohon untuk pihak Balistik dari PDRM untuk hadir bersama semasa bedah siasat dijalankan untuk membantu beliau untuk mengira 'trajectory, arah dan kelajuan peluru'.

SP12 juga menyatakan 're-construction' penembakkan peluru ke atas mangsa boleh dilakukan tetapi tidak dilakukan di dalam kes ini. Beliau setuju bahawa di dalam 'ricochet wounds', peluru boleh keluar daripada badan dan 'angle' peluru dilepaskan ke atas mangsa hanya boleh disahkan sekiranya pihak polis telah menjalankan 're-construction' aksi penembakkan tersebut.

2.7 Pihak Balistik tidak mengambil bahagian di dalam bedah siasat yang dijalankan walaupun Pegawai Penyiasat kes ini telahpun mempunyai pengetahuan mengenai laporan polis yang dibuat oleh OKT (Eksibit D51) dan ibu mertuanya (Eksibit P22) yang telah melaporkan mengenai tembakan yang diarahkan ke atas jalan. Isu peluru 'ricochet' telahpun berada di dalam pengetahuan Pegawai Penyiasat sebelum bedah siasat dilakukan. Pegawai Penyiasat tidak memberi arahan kepada pihak Balistik untuk menjalankan ujian 'ricochet'.

Di dalam kes **Aroyomi Helen v PP [2005] 1 MLJ 699**, Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

“Clearly the defense advanced by the accused cannot be said to be of romancing character. Nor were other witnesses called by the defense to testify on the same issue so as to dispense with the cross-examination of the accused. The fact that the defense is not a recent fabrication is supported by the contents of exh D19 which is similar to the defense advanced. It was made three days after the arrest of the accused”.

Di dalam kes **PP v Iskandar Mohamad Yusof [2006] 6 CLJ 379**, Suriyadi Halim Omar, J (as he then was) telah menyatakan bahawa penyiasatan sesuatu kes adalah suatu proses yang berterusan.

Di dalam kes ini, OKT dan SP5 telah melalui laporan polis masing-masing dan percakapan amaran OKT menyatakan bahawa tembakan amaran telah dilepaskan ke atas jalan tetapi Pihak Pendakwaan langsung tidak membuat apa-apa siasatan lanjut mengenai isu ini.

2.8 Versi Pihak Pembelaan adalah OKT telah menembak tembakan amaran ke atas jalan tar. Insiden yang berlaku sebelum itu ialah simati telah berpusing-pusing di sekeliling SP5 dan SD2, menghampiri mak mertua OKT (SP5), SP5 memakai barang kemas yang banyak, SD2 melihat parang di raga motosikal simati, SD2 menelefon OKT kerana ketakutan dan telah maklum OKT mengenai

parang yang berada di raga motosikal simati, OKT keluar dari kilang, simati yang melihat kiri dan kanan dan menghampiri SP5 mula melarikan diri ke motosikal apabila nampak kehadiran OKT. OKT lari menghampiri simati dan memegang kolar baju simati dan terseret dengan motosikal dan menjerit "Berhenti, Jangan lari". OKT hampir terjatuh, OKT melepaskan motosikal dan dalam keadaan tidak stabil telah menembak ke arah jalan tar sebagai amaran kepada simati. Keterangan OKT juga disokong oleh SD2 dan juga SP5.

Di dalam kes **Re: J.L. Samuel v Unknown** pada 9 Disember 1969, Mahkamah Tinggi Madras telah menyatakan seperti berikut:

*"The appellate Court found that the bullet did not hit the Constable directly after it was released from the rifle but it fell on the water, touched the water surface and got into it with a spin and the bullet ricocheted and flew from the water surface and hit the deceased. In spite of this finding, the appellate Court confirmed the conviction holding that he was rash in having shot the bird knowing that the Police Station was near by. The appellate Court has also discussed about the case law in respect of culpability of a person in such circumstances. It is quite irrelevant to look to case law as on the finding the Sessions Judge, **it cannot be said at all that when the bullet had hit the deceased as a result of ricocheting, it was due to rash or negligent act. No one can foresee when he shoots a bird straight at it that the bullet were likely to fall on water and from the surface of water after a spin would rebuff and hit a person at the Police Station. If the shooting was done by an incompetent person at that place where the Police***

*Station was so near, it can be said without any difficulty that the act by such a person will amount to a rash act. It is not the case of the prosecution that the petitioner is not trained in shooting. The very fact that he has been in the Armed Reserve, would indicate that he should have had very good training and experience in shooting. I am, therefore of the view that though the Police Station was near the scene of occurrence, yet, the petitioner being a trained man in shooting, if he had shot a bird, it cannot be said that he was rash or negligent in so doing. **Ricocheting of the bullet from the water surface is a sheer unforeseen accident. It is of course unfortunate that the Constable died. In any event, the petitioner will be entitled to the benefit of doubt.***

Di dalam kes **Jenain Subi v PP [2013] 2 CLJ 92**, Mahkamah Tinggi telah menyatakan seperti berikut:

“This may further be explained by SP24's expert evidence that a bullet can ricochet on hard surface such as a car spoiler. Thus the possibility that it was an accident or misfortune within the meaning of s. 80 of the Penal Code cannot be ruled out. Section 80 provides as follows:

80. Nothing is an offence which is one done by accident or misfortune, and without any criminal intention or knowledge, in the doing of a lawful act in lawful manner, by lawful means, and with proper care and caution.”

Di dalam kes ini, saya mendapati OKT tidak dapat mengetahui kemungkinan kerosakan atau kecederaan yang boleh menimpa orang lain akibat daripada kelakuannya. Pihak Pendakwaan tidak dapat buktikan bahawa OKT telah menunjukkan pistolnya ke arah simati. Pihak Pembelaan telah mengemukakan pembelaan mengenai peluru 'ricochet' dari permulaan kes Pendakwaan, tetapi sehingga ke hari ini, tiada ujian 'ricochet' yang dijalankan oleh pihak yang menyiasat. Saya merujuk kembali kepada isu peluru 'ricochet' yang dibincangkan di dalam perenggan 2.6 dan 2.7 di atas.

OKT telah juga menerangkan kenapa beliau tidak dapat menembak tembakan amaran ke arah langit pada hari tersebut. OKT telah terseret dengan motosikal semasa beliau memegang kolar baju simati dan menjerit "Berhenti, jangan lari" kepada simati. Beliau hampir terjatuh dan melepaskan motosikal dan terpaksa melepaskan tembakan ke arah jalan tar. Selain dari jalan tar, SD1 tidak boleh melepaskan tembakan itu ke mana-mana arah yang lain kerana kedudukan SD1 pada masa itu, dengan berlari dan tidak stabil.

2.9 Walaupun pihak Mahkamah Rayuan telah mendapati satu kes *prima facie* terhadap OKT dibawah **Seksyen 304A Kanun Keseksaan**, saya masih perlu membuat satu penilaian maximum pada akhir kes Pembelaan. Rujukan dibuat kepada kes **Publiv Prosecutor v Sanin bin Othman [2011] 5 MLJ 716** dimana diputuskan bahawa:

"When the defence is directed to be called by an appeal court the trial judge must

accept that a prima facie case has been proven. It is as if the defence was called by the learned judge himself (Saad bin Abas & Anor v Public Prosecutor [1999] 1 MLJ 129; [1998] 4 CLJ 575). Only after he has gauged the total evidence adduced, inclusive of all the evidence adduced at the prosecution's stage, and tested as against the defence evidence may the fate of the accused person be decided by the court. In short there will be a maximum evaluation of the whole evidence at the close of the defence."

".....Since the Court of Appeal pursuant to the first trial had ordered the defence to be called, it was now incumbent upon the respondent to rebut the prosecution's case, though subject to a maximum evaluation of the whole case by the learned judge. Since a maximum evaluation is mandated, let alone an appeal is merely a continuation of the trial and throws open all the evidence to re-examination, let us review the evidence adduced at the stage of the prosecution justifying the calling of the defence, to be followed by testing it against the rebuttal evidence if any (Muniandy a/l Subramaniam v Public Prosecutor [2006] 6 MLJ 623."

2.10 Pihak Pendakwaan masih mempunyai beban untuk membuktikan kes melampaui keraguan munasabah pada akhir kes Pembelaan. Ini jelas diperuntukkan di dalam seksyen **173[m][i]** **Kanun Tatacara Jenayah:**

'At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond

reasonable doubt.'

Di dalam kes **Public Prosecutor v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705, ms 730** diputuskan seperti berikut:

"Thus where the Prosecution has made out a prima facie case and the accused, in his defence, offers an explanation, the burden of proof to establish the offence beyond reasonable doubt is still on the Prosecution and if, upon a review of the evidence on both sides, there is a reasonable doubt, the accused must be acquitted".

3. Alasan

3.1 Di dalam kes **Mohd Johi bin Said v PP (2005) 5 MLJ 409, ms 417**, Mahkamah Rayuan telah menyatakan seperti berikut:

"We have here a case where a serious defence, supported by credible evidence was presented to the Court. It was the bounden duty of the Learned trial judge to consider that defence. This was not done. There was simply no judicial appreciate of the defence case. This is accordingly a case of non-direction by the Learned judge unto himself. And we find it sufficient in this context to quote from two authorities merely to remind ourselves of the importance of the point that is being made. In Balasingam vs PP (1959) MLJ 193, Ismail Khan J (later CJ Borneo) said;

There was therefore a direct conflict of evidence and a serious defence cannot be summarily dismissed as an improbable story without adequate reasons for such a

conclusion”.

Di dalam kes **Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor [1991] 3 MLJ ms 171:**

“To earn an acquittal, the Court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the Court to be convinced that the defence version is true, in which case the Court must order an acquittal. In appropriate case it is also not wrong for the Court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the Court must not convict until it asks a further question, that even if the Court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt. It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straightaway the legally established “reasonable doubt” test, rather than to delve in the “believable and convincing” test before applying the “reasonable doubt” test”.

3.2 Di dalam kes **Mahadzir bin Yusof & Anor v Public Prosecutor [2011] 1 MLJ 297**, Mahkamah menyatakan:

*“It is settled law that the duty of accused person at the **defence's case** is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution's case.*

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberikan di atas, saya mendapati Pihak

Pembelaan berjaya untuk menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes Pendakwaan dan Pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap OKT di bawah **Seksyen 304A Kanun Keseksaan**. Saya berpendapat pelepasan dan pembebasan ini adalah wajar dan patut.

Bertarikh pada 9 Oktober, 2019

(PRISCILLA HEMAMALINI NADARAJAN)

HAKIM

MAHKAMAH SESYEN JENAYAH (2)

SUNGAI PETANI

KEDAH